

Buletin MPSP 2010

Keluaran September - Disember 2010



Sidang **Redaksi**

Penaung

Tuan Haji Mokhtar Bin Mohd Jait

Yang DiPertua

Penasihat

Encik Zainol Abidin Bin Mohd Noh

Setiausaha Perbandaran

Ketua Editor

Encik Wan Junaidy Bin Yahaya

Editor

Puan Nor Azimah Binti Ismail

Nor Aliza Binti Ishak

Jurugambar

*Encik Sheikh Zakaria Bin Sheikh
Ahmad*

Percetakan

Ahmad Airin Bin Adnan

Kandungan

- Perutusan YDP
- Wawasan MPSP
- Anugerah
- Teknologi Hijau
- Pertandingan Akhir Anugerah Sekolah Hijau
- Amalan 8S
- Gerbang Informasi Program Transformasi MPSP
- Program Pembersihan Pantai Sempena Hari Pembersihan Pantai Antarabangsa
- Kejohanan Boling Sempena Sambutan Harijadi TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang
- Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSP
- Program LA
- Lawatan
- Kursus
- Perhimpunan Kakitangan

PERUTUSAN YDP



Salam Perpaduan, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur kehadiran ilahi dan merakamkan ucapan terima kasih kepada sidang redaksi kerana telah berjaya menerbitkan Buletin MPSP keluaran September – Disember 2010.

Sejajar dengan perkembangan semasa, MPSP amat komited untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan.

Justeru itu dengan pelancaran transformasi MPSP, diharapkan ianya akan berjalan dengan lancar seperti yang dirancang dengan harapan semua kakitangan dapat memberikan kerjasama yang jitu bagi memastikan kejayaan transformasi MPSP.

WAWASAN MPSP

VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan.

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai

DASAR KUALITI

MPSP komited untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan melalui perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan

**Fokus -Fokus Pelan Strategik 2001-
2010**

- 1 Prestasi & Amalan Sumber Manusia
- 2 Rancangan ICT
- 3 Khidmat Pelanggan
- 4 Kecekapan & Keberkesanan Organisasi
- 5 Etika & Urustadbir
- 6 Komunikasi
- 7 Penglibatan Komuniti
- 8 Pengurusan Kewangan
- 9 Kualiti Kehidupan
- 10 Penyertaan Bumiputera

Anugerah



**Johan Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Bagi
Kategori Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik**



Naib Johan Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang
Bagi Kategori Anugerah Perkhidmatan Kaunter Berkualiti



Naib Johan Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang
Bagi Kategori Anugerah Laman Web Terbaik

Teknologi Hijau



Definisi

Teknologi Hijau merujuk pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Teknologi Hijau merujuk produk, peralatan, atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Ia meminimumkan degenerasi kualiti persekitaran; ia mempunyai pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar; ia selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan;
- Menjimatkan tenaga dan sumber asli; dan
- Menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui.



Empat Tunggak Dasar Teknologi Hijau Negara

- Tenaga - Mencari ketidakbergantungan tenaga dan mempromosikan kecekapan tenaga
- Alam sekitar - Memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar
- Ekonomi - Meningkatkan pembangunan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi; dan
- Sosial - Meningkatkan kualiti hidup untuk semua.



Objektif

- Untuk mengurangkan kadar peningkatan penggunaan tenaga dalam masa yang sama meningkatkan pembangunan ekonomi;
- Untuk membantu pertumbuhan dalam industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara;
- Untuk meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan Teknologi Hijau dan meningkatkan daya saing dalam Teknologi Hijau di persana antarabangsa;
- Untuk memastikan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang; dan
- Untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan meluas Teknologi Hijau.



Sektor Utama

Kemajuan yang signifikan dan peningkatan utama dalam empat sektor utama yang berikut:

i) Sektor Tenaga



- Sektor Bekalan Tenaga: Aplikasi Teknologi Hijau dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga, termasuk penjanaan bersama (co-generation) di sektor industri dan komersial; dan
- Sektor Penggunaan Tenaga Aplikasi Teknologi Hijau dalam semua sektor penggunaan tenaga dan dalam program pengurusan permintaan tenaga.

ii) Sektor Bangunan



Menerima pakai Teknologi Hijau dalam pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan.

ii) Sektor Air dan Pengurusan Sisa



Menerima pakai Teknologi Hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa

pepejal dan kawasan pelupusan
sampah



iv) Sektor Pengangkutan

Memasukkan elemen Teknologi Hijau dalam prasarana pengangkutan dan kenderaan, khususnya biobahan api dan pengangkutan jalan awam. Matlamat:-

i. Matlamat Jangka Pendek (Rancangan Malaysia ke-10)

- Kesedaran masyarakat yang lebih tinggi melalui program-program sokongan dan komitmen untuk penerimaan dan penerapan Teknologi Hijau;
- Ketersediaan dan pengiktirafan meluas Teknologi Hijau dari segi produk, aplikasi, peralatan dan sistem di pasaran tempatan melalui piawaian, perkadaran, pelabelan;
- Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investments, FDIs) dan Pelaburan Langsung Tempatan (Domestic Direct Investments, DDIs) yang lebih besar dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan Teknologi Hijau; dan
- Institusi-institusi penyelidikan tempatan dan institusi pengajian tinggi mengembangkan penyelidikan, pembangunan dan aktiviti inovasi mengenai Teknologi Hijau ke arah pengkomersialan menerusi mekanisme yang sesuai.


ii. Matlamat Jangka Sederhana (Rancangan Malaysia ke-11)

- Teknologi Hijau menjadi pilihan utama dalam memilih produk dan perkhidmatan;
- Teknologi Hijau mempunyai pasaran tempatan yang lebih besar berbanding dengan teknologi lain, dan menyumbang kepada penerimaan
- Teknologi Hijau dalam pasaran serantau;
- Peningkatan pengeluaran produk Teknologi Hijau tempatan;
- Peningkatan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi Teknologi Hijau oleh universiti tempatan dan institusi penyelidikan yang dikomersialkan melalui kerjasama dengan industri tempatan dan syarikat multinasional;
- Peningkatan perniagaan SME dan SMI tempatan dalam Teknologi Hijau ke pasaran global; dan
- Peningkatan aplikasi Teknologi Hijau dalam kebanyakan sektor ekonomi.

iii. Matlamat Jangka Panjang (Rancangan Malaysia Ke-12 dan Tempoh Seterusnya)

- Penerapan Teknologi Hijau dalam budaya Malaysia;
- Penggunaan meluas Teknologi Hijau mengurangkan penggunaan sumber secara keseluruhan, di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara;
- Mengurangkan signifikan dalam penggunaan tenaga negara;
- Membaiki kedudukan Malaysia dalam peningkatan persekitaran;
- Malaysia menjadi pengeluar utama Teknologi Hijau dalam pasaran global; dan
- Peningkatan kerjasama peringkat antarabangsa dengan universiti tempatan dan institusi penyelidikan dengan industri Teknologi Hijau.

Risiko Nanoteknologi boleh diluaskan kepada tiga bahagian:



- Risiko kepada kesihatan dan persekitaran yang berpunca daripada zarah dan jirim nano
- Risiko yang disebabkan oleh pengilangan atau penghasilan molekul (atau teknologi nano lain)
- Risiko yang datangnya daripada masyarakat sendiri.

Teras Strategik

i) Teras Strategik 1

Mengukuhkan Kerangka Institusi

Dalam memupuk penerimaan dan pembangunan Teknologi Hijau, penyusunan institusi yang kukuh adalah kritikal untuk mempromosikan aplikasi Teknologi Hijau melalui:

- Penubuhan Majlis Teknologi Hijau yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri untuk menyelaraskan peringkat tinggi antara Kementerian, agensi, sektor swasta dan pihak berkepentingan utama untuk melaksanakan Teknologi Hijau yang efektif;
- Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Teknologi Hijau yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri

- Penubuhan Agensi Teknologi Hijau Malaysia untuk menyelaraskan dan melaksanakan usaha dan program Teknologi Hijau yang efektif;
- Pengenalan dan penguatkuasaan mekanisme perundangan untuk mempercepat pembangunan Teknologi Hijau, selaras dengan objektif dan matlamatnya; dan
- Peyelarasan fungsi setiap institusi supaya semua agensi mengetahui peranan dan tanggungjawab masing-masing.



ii) Teras Strategik 2

Menyediakan Persekitaran Pembangunan Teknologi Hijau yang Kondusif

Pembangunan industri Teknologi Hijau, sama ada dalam sektor pembuatan atau perkhidmatan, adalah kritikal bagi memenuhi objektif Dasar Teknologi Hijau. Industri ini menyediakan Teknologi Hijau bagi pasaran setempat dan global, menyediakan peluang pekerjaan, dan meningkatkan ekonomi Negara. Ini boleh dicapai melalui:

- Pengenalan dan pelaksanaan instrumen ekonomi yang inovatif dengan disokong oleh langkah-langkah kewangan dan fiskal bagi membantu peningkatan pertumbuhan Teknologi Hijau selaras dengan objektif dan matlamatnya;
- Memperkukuh pemahaman masyarakat tempatan terhadap industri Teknologi Hijau dan rantai nilai termasuk industri sokongan melalui pelbagai program peningkatan industri;

- Mempromosikan pelaburan langsung asing (FDIs) terhadap Teknologi Hijau yang membantu perkembangan pelaburan langsung tempatan (DDIs) serta penglibatan dan pembangunan industri tempatan;
- Menubuhkan hab Teknologi Hijau yang strategik di seluruh Malaysia, yang dikembangkan daripada rantai nilai utama kepada industri utama; dan
- Menubuhkan mekanisme pembiayaan untuk Teknologi Hijau.

iii) Teras Strategik 3

Memperkukuh Pembangunan

Modal Insan dalam Teknologi Hijau

Sumber manusia yang mahir, berkelayakan, cekap dan produktif sangat penting untuk pembangunan Teknologi Hijau. Ini boleh dicapai melalui;

Reka bentuk dan pengukuhan program latihan dan pendidikan bagi meningkatkan kapasiti sumber manusia yang berkaitan dengan Teknologi Hijau;

- Bantuan kewangan dan biasiswa untuk pelajar yang mengikuti jurusan Teknologi Hijau di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan pasca ijazah;
- Program melatih semula dan skim pelapis untuk meningkatkan kemahiran sumber manusia yang separa terlatih bagi memenuhi keperluan industri Teknologi Hijau;
- Penyediaan mekanisme penggredan dan pensijilan bagi pekerja yang cekap dalam bidang Teknologi Hijau; dan
- Pengekploitasian program brain gain bagi mengukuhkan kepakaran tempatan dalam sektor Teknologi Hijau.

iv) Teras Strategik 4

Penggiatan Penyelidikan dan Inovasi Teknologi Hijau Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi dan Pengkomersialan (RDIC) amat penting dalam penghasilan teknologi baru, teknik dan implikasi yang dapat mengurangkan kos Teknologi Hijau dan mempromosikan penggunaannya. Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (RDI) akan ditingkatkan melalui:

- Dana kewangan atau bantuan untuk sektor awam dan swasta dalam RDIC;
- Keperluan Teknologi Hijau pada masa hadapan;
- Penubuhan badan penyelaras yang efektif untuk RDI dan pusat kecemerlangan atau institut penyelidikan yang baru untuk perkembangan Teknologi Hijau;
- Perkongsian pintar antara kerajaan, industri, dan pusat penyelidikan; dan,
- Penubuhan rangkaian yang kukuh dengan institusi penyelidikan tempatan dan serantau dan pusat kecemerlangan antarabangsa dalam RDI Teknologi Hijau.

v) Teras Strategik 5

Promosi dan Kesedaran Awam

Promosi yang efektif dan kesedaran awam merupakan dua faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembangunan Teknologi Hijau. Hal ini penting kerana perkara tersebut memerlukan perubahan pemikiran masyarakat melalui pelbagai pendekatan termasuklah:

- Promosi berterusan yang efektif, pendidikan dan penyebaran maklumat melalui program yang komprehensif untuk meningkatkan kesedaran awam dalam Teknologi Hijau;
- Penglibatan media, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak berkepentingan yang efektif untuk mempromosikan Teknologi Hijau;

- Memupuk budaya menghayati Teknologi Hijau dalam kalangan pelajar pada setiap peringkat melalui pembangunan sistem sukatan pelajaran yang efektif;
- Program demonstrasi secara efektif dalam implikasi Teknologi Hijau; dan
- Menerima pakai Teknologi Hijau dalam semua kemudahan kerajaan dan entiti yang berhubung dengan kerajaan

Lima langkah strategik jayakan Dasar Teknologi Hijau Negara

BANGI: Datuk Seri Najib Razak hari ini menggariskan lima langkah strategik bagi menjayakan Dasar Teknologi Hijau Negara.

Perdana Menteri berkata, langkah pertama adalah mengukuhkan rangka kerja institusi terutama di kalangan Menteri manakala langkah kedua mensasarkan untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi Pembangunan Teknologi Hijau.

Katanya, langkah ketiga pula akan menggiatkan lagi pembangunan modal insan menerusi pemberian latihan dan program pendidikan.

"Langkah keempat adalah akan menggalakkan penyelidikan dan inovasi Teknologi Hijau menerusi pengkomersialan.

"Langkah terakhir adalah memantapkan usaha mempromosi dan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap Teknologi Hijau," katanya berucap melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara di sini, hari ini.


Sumber: Berita Harian

Pertandingan Akhir Anugerah Sekolah Hijau

Untuk makluman, Pertandingan Akhir Anugerah Sekolah Hijau Peringkat Seberang Perai akan diadakan pada 4 November 2010 bertempat di Auditorium MPSP pada jam 9:00 pagi. Semua kakitangan Majlis yang berminat untuk mendapat pendedahan terhadap Program Penjagaan Alam Sekitar ANUGERAH SEKOLAH HIJAU dijemput hadir pada hari tersebut.



Amalan 8S



Pengenalan 8S

Penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan merupakan komitmen Kerajaan kepada rakyat. Perkhidmatan yang berkesan bukan sahaja mengkehendaki Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang efisien dan efektif dari segi sistem dan prosedur, malah turut menuntut layanan yang berkualiti dari penjawatan awam.

Booklet Amalan 8S Semasa Berurusan Dengan Pelanggan merupakan salah satu inisiatif bagi mencapai aspirasi Kerajaan untuk member perkhidmatan yang menyenangkan rakyat. Booklet tersebut diharap membantu memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara menyeluruh dan melahirkan nilai-nilai terpuji dalam diri penjawat awam.

Objektif 8S

- ✚ Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan.
- ✚ Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh agensi Kerajaan secara keseluruhan.
- ✚ Menerapkan nilai-nilai murni dalam amalan harian penjawat awam.
- ✚ Meningkatkan imej Sektor Awam ke arah perkhidmatan bertaraf dunia.
- ✚ Memupuk budaya kerja yang mesra pelanggan di agensi Kerajaan dalam berurusan dengan orang ramai.

8S tersebut adalah:-

1. Salam
2. Sayang
3. Segak
4. Segera
5. Sempurna
6. Sensitive
7. Senyum
8. Sopan



1)

Salam

Salam merupakan pemula bicara apabila berinteraksi. Penjawat awam perlulah memberi salam serta memperkenalkan diri terlebih dahulu apabila memulakan komunikasi dengan pelanggan. Ucapan salam boleh membuatkan pelanggan berasa lebih selesa untuk memulakan sesuatu urusan.

2)

Sayang



Sifat sayangkan kerja dan organisasi akan mendorong penjawat awam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik apabila berurusan dengan pelanggan. Penjawat awam yang sayangkan organisasi akan memastikan pelanggan mendapat kepuasan daripada khidmat yang diberikan.

3)

Segak



Segak merujuk kepada ketrampilan diri seseorang penjawat awam ketika menjalankan tugas. Penampilan diri yang bersih dan kemas akan mempengaruhi tahap keyakinan pelanggan untuk berurusan dengan agensi berkenaan.

4)

Segera



Sifat segera (sense of urgency) perlu wujud dalam setiap penjawat awam. Ini adalah untuk memastikan setiap urusan yang diamanahkan dilaksanakan dengan cekap, pantas dan tanpa berlengah. Namun begitu, setiap tindakan perlu mengambil kira peraturan dan prosedur kerja sedia ada.

5)

Sempurna



Perkhidmatan yang sempurna bermaksud perkhidmatan yang lengkap dan memenuhi kehendak pelanggan. Penjawat awam perlu sentiasa memastikan pelanggan mendapat perkhidmatan yang terbaik dari agensi

Kerajaan.

6) Sensitif



Sikap sensitif dan prihatin terhadap keperluan pelanggan perlu diamalkan oleh penjawat awam tanpa mengira masa. Penjawat awam juga perlu peka dan bijak membuat penilaian apabila berhadapan dengan apa jua situasi.

7) Senyum



Senyuman merupakan permulaan bagi mewujudkan hubungan yang positif. Penjawat awam perlu memberi senyuman secara ikhlas mengikut kesesuaian situasi apabila berkomunikasi dengan pelanggan.

8) Sopan



Sifat sopan dalam pertuturan dan perlakuan akan melahirkan hubungan yang baik dan suasana yang selesa untuk pelanggan. Penjawat awam yang beradap sopan akan sentiasa menjaga tutur katanya dan sentiasa memberikan layanan yang baik terhadap orang lain. Beliau juga akan memastikan percakapannya sentiasa sopan, lemah lembut tetapi tegas.

Gerbang Informasi Program Transformasi MPSP

Dalam menjana satu dimensi baru dalam transformasi MPSP ke arah meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat. MPSP memerlukan cadangan dan maklumbalas anda sebagai pemangkin dalam menentu serta mencorakkan hala tuju MPSP. Sebarang cadangan dan maklumbalas berguna amatlah diharapkan. Program Transformasi MPSP ini dibangunkan sendiri oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai hasil daripada komitmen pegawai MPSP.

Menggerak Transformasi



Apabila keupayaan sesebuah agensi kerajaan didefinisikan dan diukur oleh rakyat atau pelanggan, maka ini bermakna 'The society is empowered'. Maka sudah tentu MPSP sebagai sebuah jentera kerajaan, mestilah kembali dan merujuk kepada para pelanggannya atau masyarakat umumnya untuk mendapatkan maklumbalas serta cadangan bagi memperbaiki perkhidmatan. Justeru, masyarakat bukan menjadi penonton tetapi mengambil bahagian secara langsung dalam proses transformasi Kerajaan.

Tindakan bersepadu diambil untuk meyakinkan masyarakat serta para pelanggan bahawa MPSP kini searah dengan aspirasi kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mampu mendapatkan kepercayaan penuh pelanggan.

Dengan perubahan positif pemikiran pengurusan dan kakitangan MPSP secara radikal untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih mudah, cepat, mesra dan cekap, MPSP mampu mengatasi masalah-masalah semasa termasuk ketidakpuasan hati pelanggan yang selama ini sering diwarwarkan.

Penjenamaan Semula MPSP dilaksanakan selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan – perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan. Langkah yang agresif diambil dengan melancarkan Program Transformasi serta mewujudkan KRA dan KPI yang mantap dan efisien. Selain dari kerja keras, sistem dan prosedur kerja yang diguna pakai masa kini juga disemak semula dan mengalami proses transformasi. Segala jerih-perih yang dilakukan hanyalah bermatlamat untuk mencapai budaya kerja berprestasi tinggi dengan *first class mentality*.

Mokhtar B. Mohd Jait

Yang Dipertua

Perjalanan Blueprint



Proses Pembentukan Bidang Keberhasilan Utama (Key Result Area)

Dalam usaha untuk memastikan transformasi dilakukan secara menyeluruh dan bersepadu, aspek operasi dan pelaksanaan serta penetapan pelan strategik telah diberi penekanan khusus.

Beberapa lab telah dilakukan merangkumi aktiviti – aktiviti seperti menjalankan kajian pengurusan, *business process reengineering* serta penetapan isu-isu strategik. Lab – lab yang dijalankan ini melibatkan penyertaan daripada pihak Pertubuhan Komuniti (CBO), Agensi Kerajaan, Pertubuhan Komersial, Pemaju Perumahan dan NGO. Lab Komunikasi Dalaman juga dilakukan dalam usaha mengurangkan jurang komunikasi di antara jabatan dalaman di MPSP.

Maklumbalas daripada stakeholder juga diperolehi melalui kajian soal selidik. Ini bagi memastikan setiap perancangan yang dilakukan adalah selari dengan kehendak penduduk Seberang Perai. Analisa terhadap kajian soal selidik yang dilakukan ini telah membentuk Bidang Keberhasilan Utama (KRA) bagi MPSP.

Perekayasaan Proses Dan Prosedur Kerja (*Business Process Reengineering*)

Hasil pembentukan KRA beberapa sesi makmal melibatkan pegawai dan kakitangan MPSP diadakan untuk mewujudkan proses baru atau *reengineered process*. Di akhir sesi makmal, MPSP mensasarkan untuk mendraf program penyelesaian yang radikal, praktikal dan inovatif. Draf program akan dibuat secara berperingkat.

Peringkat permulaan aspek-aspek yang diberi pendekatan ialah pengeluaran lesen am dan penjaja, kelulusan pelan bangunan, penilaian bangunan, pengeluaran Notis E dan pengurusan aduan.

Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator*)

MPSP akan memperkenalkan *performance based management system* di dalam mengukur pencapaian setiap KRA. Lab pegawai dan Ahli Majlis diadakan untuk mengenalpasti Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) bagi setiap KRA. KPI akan menjadi instrumen dan penanda aras supaya KRA yang telah ditetapkan dapat dicapai dan pencapaian tersebut akan dihebahkan. Ini selari dengan prinsip ‘Cekap, Akauntabiliti dan Telus’ yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dengan cara ini, pencapaian sesuatu KRA dapat dipantau bukan sahaja oleh pihak pengurusan, malahan stakeholder juga mempunyai akses bagi menilai keberkesanan KRA tersebut.

KRA 1 Meningkatkan Kebersihan

Isu keberkesanan MPSP dalam mengambil tindakan kebersihan diperkatakan oleh bukan sahaja pembayar cukai malah oleh media dan stakeholder yang lain. Peruntukan kewangan untuk pengurusan pembersihan yang disediakan oleh MPSP pula meningkat dari tahun ke tahun. Walaupun berjuta ringgit dibelanjakan untuk tujuan pengurusan pembersihan tetapi isu kebersihan masih tidak dapat ditangani dan penduduk juga masih tidak berpuas hati dengan tahap kebersihan yang dilaksanakan oleh MPSP.

Strategi-strategi

- Strategi 1 : Memperkasa pendidikan kebersihan
- Strategi 2 : Mempertingkatkan penggunaan semula bahan buangan, kitar semula dan mengurangkan sampah ke tapak pelupusan
- Strategi 3 : Memastikan sistem perparitan hanya untuk tujuan pengaliran air hujan sahaja
- Strategi 4 : Menyediakan rekabentuk pasar dan gerai yang berkonsepkan cantik dan bersih.
- Strategi 5 : Pemantauan prestasi kontraktor melalui Sistem Demerit.

KRA 2 Penyelenggaraan Yang Efisien

Bagi memastikan prasarana di Seberang Perai dalam keadaan baik, MPSP perlu mempunyai sistem penyelenggaraan yang efektif. Penjadualan semula kekerapan penyelenggaraan dan mempercepatkan tindakan pembetulan merupakan langkah pro-aktif yang diambil oleh MPSP. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah penyelenggaraan rutin, penyelenggaraan berkala dan kerja kecemasan.

Untuk tujuan ini, penubuhan unit tindakan cepat sedang dirangka. Skop tugas unit tindakan cepat atau akan dikenali sebagai Road Runner akan meliputi kerja-kerja

bantu mula ke atas infrastruktur-infrastruktur MPSP. Unit ini akan memberi tindakan “first-aid” bagi semua maklumat kerosakan yang diperolehi melalui sistem aduan mahupun rondaan berkala. Dalam melengkapkan penubuhan unit ini, semua kakitangan yang terlibat akan dipertingkatkan kemahiran dan kepakaran mereka. Latihan secara intensif akan diberikan kepada semua kakitangan samada secara dalaman mahupun bersama agensi lain.

Sistem pelaporan aduan kerosakan juga akan diperkasakan. Setiap tiang lampu isyarat dan lampu jalan yang disenggarakan oleh MPSP akan diberi identifikasi menggunakan nombor-nombor yang tertentu. Ianya bagi memudahkan pengesanan lokasi kerosakan dan juga pelaporan kerosakan. Dalam memastikan setiap kerosakan dapat dikesan dengan pantas, MPSP akan mensyaratkan pihak kontraktor MPSP yang berada di lapangan untuk membuat laporan pemantauan kerosakan secara terus kepada MPSP.

Strategi-strategi:

- Strategi 1 : Memperkasa Response Team Sedia ada
- Strategi 2 : Mempertingkatkan kemahiran dan kepakaran kakitangan
- Strategi 3 : Memperkasa sistem pelaporan kerosakan

KRA 3 Meningkatkan Tahap Keselamatan

Keselamatan bermaksud keadaan melindungi daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pelajaran dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini. Ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi.

Strategi-strategi

- Strategi 1 : Merekabentuk Persekitaran Fizikal Bercirikan Konsep Bandar Selamat.
- Strategi 2 : Menggalakkan *Gated Community* di dalam Pembangunan Baru
- Strategi 3 : Menyediakan Dasar dan Polisi Mengenai *Guarded Community*
- Strategi 4 : Mempertingkatkan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam mengenai Keselamatan.
- Strategi 5 : *Omnipresent* di kawasan yang menjadi tumpuan awam

KRA 4 Meningkatkan Keceriaan Bandar

MPSP mempunyai keazaman yang tinggi untuk mencapai Visi ' **Menjadikan Seberang Perai Bersih, Indah Dan Selesa Didiami, Bekerja Serta Menjadi Tarikan Pelaburan**' Bagi merealisasikan hasrat ini, penggubalan dasar, pelaksanaan pelan strategi pembangunan dan pengurusan di peringkat kerajaan tempatan mahupun pihak swasta perlulah membabitkan proses mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan menyumbang ke arah kehidupan yang harmoni, mesra dan ceria.

Persekitaran yang bersih dan indah adalah merupakan antara faktor penting dalam memperbaiki dan meningkatkan kualiti hidup penduduk Seberang Perai agar dapat dikongsi bersama. Jika dinilai secara mikro, pembabitan pelbagai agensi dan masyarakat setempat dapat mempertingkatkan sumbangan, mengukuhkan kerjasama, muafakat dan solidariti sebagai sebuah entiti yang bergerak . Ianya dapat memberkani satu wajah baru dalam konsep keceriaan dan pengindahan persekitaran.

Pelaksanaan sesuatu pembangunan perlu menitikberatkan aspek keceriaan bandar kerana ianya adalah antara faktor utama dalam menjana ekonomi yang berteraskan pelancongan di samping meningkatkan kesejahteraan penduduk Seberang Perai. Perancangan berteraskan usaha untuk mempertingkatkan prasarana rekreasi dan

persekitaran yang kondusif dan berwawasan perlulah dilaksanakan serentak, selari dengan misi MPSP. Di samping itu pemantapan tadbir urus juga dijuruskan kepada matlamat untuk memupuk semangat kecintaan masyarakat setempat kepada Seberang Perai.

Untuk itu adalah menjadi aspirasi MPSP agar Seberang Perai menjadi kawasan pembangunan yang mampan dalam mencapai keseimbangan di antara pembangunan fizikal, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

Strategi-strategi

- Strategi 1 : Mewujudkan kejiranan bersih dan hijau
- Strategi 2 : Meremajakan (*Revitalize*) Bandar Butterworth
- Strategi 3 : Menambah dan menaiktaraf tempat rekreasi sesuai sebagai tempat tumpuan orang ramai

KRA 5 Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Penguatkuasaan

Selaras dengan perkembangan masa kini, skop atau bidang penguatkuasaan menjadi amat penting. Perkara ini adalah disebabkan oleh proses urbanisasi, di mana berlakunya pertambahan trend, perniagaan, perindustrian, golongan penjaja dan kapasiti penduduk serta meningkatnya kawasan perumahan di Seberang Perai.

Penguatkuasaan merupakan aset yang berharga dalam menjaga kesejahteraan dan hak umum orang ramai. Tujuan penguatkuasaan adalah untuk membolehkan tindakan pemantauan, pemulihan dan pencegahan diambil bagi memastikan peruntukan undang-undang dipatuhi.

Keupayaan melaksanakan penguatkuasaan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya adalah sangat penting dalam menentukan keberkesanan penguatkuasaan. Antara faktor-faktor penting yang mempengaruhi keupayaan

penguatkuasaan ialah kelengkapan peralatan dan kakitangan, kompetensi diri , tahap motivasi dan sokongan daripada pegawai atasan. Dengan mengkaji keupayaan penguatkuasaan, faktor-faktor yang mempengaruhi kewibawaan anggota-anggota yang menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dapat dikenal pasti serta dikawal.

Strategi-strategi

- Strategi 1 : Melaksanakan Penguatkuasaan Komprehensif Dan Proaktif
- Strategi 2 : Mempertingkatkan Pendidikan Dan Kesedaran Kepatuhan Undang-Undang.
- Strategi 3 : Tindakan Pencegahan Yang Komprehensif

KRA 6 Memantapkan Organisasi dan Proses Kerja

Dalam masyarakat moden, organisasi merupakan aspek amat penting dalam kehidupan manusia. Peranan organisasi menjadi semakin penting semenjak revolusi perusahaan pada abad ke-18. Pada masa ini manusia berpegang erat pada organisasi untuk kehidupan, kesejahteraan dan inspirasi mereka.

Mengikut takrifan Kamus Dewan, organisasi diertikan sebagai kesatuan yang terdiri daripada bahagian atau golongan yang tersusun dalam sesuatu pertubuhan.

Kecemerlangan organisasi semestinya memberi kesan positif kepada mereka yang terlibat. Dalam konteks kecemerlangan organisasi ini, pelanggan atau pihak yang menerima akan mendapat barangan atau perkhidmatan yang lebih berkualiti manakala pekerja dan pengurus atau kakitangan akan mendapat ganjaran yang lebih.

Kecemerlangan organisasi juga merujuk kepada pencapaian berkualiti tinggi oleh organisasi mengatasi pencapaian organisasi-organisasi lain dalam bidang yang sama.

Untuk mencapai kecemerlangan organisasi, kita memerlukan kepimpinan dan

pengurusan strategik secara serentak. Kepimpinan diperlukan untuk membuat peningkatan yang besar. Pengurusan strategik diperlukan untuk mencapai objektif dengan cekap.

Kecemerlangan MPSP akan meningkatkan kesejahteraan komuniti Seberang Perai. Jika kita boleh mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi dengan perkhidmatan yang bertaraf dunia, dengan sendirinya MPSP akan menjadi pihak berkuasa tempatan yang cemerlang .

Dalam kemelut strategi pembesaran dan globalisasi, kejayaan pada akhirnya akan memihak kepada mereka yang mempunyai nilai murni dan berprinsip. Pengurusan strategik menyumbang kepada prestasi dan kecemerlangan organisasi. Walau bagaimanapun, untuk memapankan kecemerlangan, pemimpin perlu memainkan peranan untuk membudayakan kualiti ke seluruh organisasi. Ini merupakan antara cabaran utama kepimpinan dengan pengurusan strategik. Aspek kualiti *Total Quality Management (TQM)* dapat membantu, disertai dengan pendidikan dan latihan berterusan.

Dalam mengatur langkah untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, MPSP perlulah sentiasa melakukan penambahbaikan yang berterusan dan untuk penambahbaikan ini perlulah ada peningkatan serta perubahan dalam aspek - aspek pengurusan. Peningkatan serta perubahan yang hendak dilaksanakan turut melibatkan proses dan prosedur kerja jabatan-jabatan yang berkaitan. Untuk tujuan inilah, MPSP melaksanakan Transformasi serta mewujudkan Kepimpinan Transformasi di mana kaedah ini digunakan oleh pengurusan untuk memantapkan lagi organisasi.

Kepimpinan Transformasi ialah dengan cara memberi perhatian secara individu menggerakkan intelek dan mempunyai karisma. Kepimpinan transformasi lebih menonjol dari segi komitmen dan bertindak sebagai pembawa arus perubahan. Keunggulan atau kecemerlangan sesebuah organisasi adalah dinilai dari segi tadbir urusnya dan juga kemantapan pengurusan kewangan. Pengurusan kewangan yang baik adalah satu kriteria organisasi cemerlang.

Apakah kriteria-kriteria yang perlu ada pada sesebuah organisasi seperti MPSP

untuk memantapkan organisasi dan seterusnya meningkatkan prestasi kewangan?

Pengurusan kewangan adalah satu proses yang melibatkan jentera pentadbiran dan kaedah-kaedah di mana dana untuk membiayai perbelanjaan awam diperolehi, dibelanja dan diperakaunkan. Ini termasuklah proses-proses yang melibatkan perancangan, pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar mengenai pencukaian, belanjawan, perbelanjaan, perolehan, perakaunan dan lain-lain yang berkaitan dengannya. Komponen pengurusan kewangan melibatkan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, kawalan dan penilaian. Kecemerlangan pengurusan kewangan bermakna MPSP mendapat 4 bintang dalam penarafan Indeks Akauntabiliti. Selain itu, tadbir urusnya juga mesti cemerlang di mana akaunnya diaudit mengikut jadual dan diberi Sijil Bersih.

Pematuhan sememangnya diutamakan dalam pengurusan kewangan. Sekiranya tiada pematuan, akan berlaku suasana huru hara dalam pengurusan dan sukar untuk menentukan pihak mana yang harus dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku fraud atau lain-lain amalan yang akan mendatangkan kerugian kepada MPSP. Pengurusan kewangan perlu berpaksikan satu sistem '*check and balance*' yang dapat mengawal atau menghindarkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini berupa pembaziran dan yang lebih serius lagi, sebarang tindakan penyelewengan. Gejala-gejala negatif ini berlaku apabila kawalan dalaman begitu longgar. Jika ini berlaku ia memberi kesan kepada MPSP dari segi '*opportunity cost*' dan imej MPSP itu sendiri.

Ketidakpatuhan selalunya berlaku berpunca daripada faktor manusia itu sendiri yang gagal mengoptimalkan sistem *check and balance* sepertimana masalah yang turut dialami MPSP .

Pengurusan kewangan melibatkan keseluruhan peringkat pengurusan. Kecekapan serta kemahiran dalam menguasai pengurusan kewangan ini dan disusuli dengan tindakan bersepadu serta pemantauan yang berterusan membolehkan peluang untuk mencapai kecemerlangan amat cerah.

Pegawai atasan perlu mempunyai komitmen serta pengetahuan menyeluruh berkaitan pengurusan kewangan kerana ianya boleh mengundang pelbagai

masalah sekiranya pegawai atasan tidak mahir atau mengenenpikan tanggungjawab dalam membuat penyeliaan serta pemantauan. Jika berlakunya kepincangan dalam hal-hal berkaitan kewangan, siapa yang harus dipertanggungjawabkan? Justeru, kompeten dan ketelitian dalam menjalankan tugas yang dimaksudkan ialah kompeten dan ketelitian secara kumpulan atau *team effort*.

MPSP perlu memastikan sistem kawalan dalamannya berfungsi sepertimana yang diarahkan oleh Kerajaan menerusi arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Untuk tujuan ini, Fail meja dan Manual operasi kewangan yang dikemaskini serta latihan yang berterusan perlu disediakan.

Strategi-Strategi

Strategi 1		Meningkatkan Kecekapan Proses Kerja
Strategi 2		Meneroka Sumber Pendapatan Baru
Strategi 3		Meningkatkan Kutipan Tunggakan Cukai Kadaran

E-Blueprint

Transformasi

Program Transformasi MPSP

Blueprint Program Transformasi Majlis Perbandaran Seberang Perai boleh mula di muat-turun melalui link di bawah sebaik sahaja ianya dilancarkan pada 17 Julai 2010 oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng bersempena sambutan Hari Majlis MPSP.





Lab
Pengurusan
Aduan



Penerangan
YDP





Selaras dengan Inisiatif Cleaner Greener Penang, Kerajaan Negeri menganjurkan satu Program Pembersihan Pantai di Pantai Robina dan Pantai Bersih pada 25 September 2010 (Sabtu). Perasmian program ini disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada jam 7.30 pagi di Pantai Robina. YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri turut hadir ke program tersebut.



Kejohanan Boling Sempena Sambutan Harijadi TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

30 September hingga 2 Oktober 2010

Kejohanan
berlangsung di
Megalanes,
Megamall, Perai,
selama tiga hari
berturut-turut. Para
peserta terdiri
daripada PBT dari
seluruh negeri dan
Agensi Kerajaan.



Jamuan Hari Raya Aidilfitri MPSP

Majlis Perbandaran
Seberang Perai
mengadakan Majlis
Jamuan Hari Raya
Aidilfitri pada 5
Oktober 2010
(Selasa) jam
11.00pagi hingga jam
2.00petang di Lobi
MPSP.



Program LA

SENARAI AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH PASUKAN KERJA LOCAL ACTION 21 (LA 21)

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	01.09.2010	Ceramah anugerah Sekolah Hijau.	SK Bertam Indah, Kepala Batas.
2	03.09.2010	Taklimat Sekolah Hijau.	SM Sains Tun Syed Shah Shabudin, Bukit Mertajam.
3	05.09.2010	Lawatan rombongan Y.B Ng Wei Aik ke Pusat Sumber Alam Sekitar	Taman Desa Damai, Bukit Mertajam.
4	15.09.2010	Bengkel Tiada Guna Beg Plastik	Sekolah Rendah Kwang Hwa, Butterworth.
5	17.09.2010	Membuat bebola tanah.	Davon Technology Sdn. Bhd. Seberang Jaya.
6	18.09.2010	Perasmian Pusat Pengumpulan Barang Permainan Kanak-Kanak lama oleh Y.B Betty Chew Gek Cheng.	Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya.
7	25.09.2010	Pameran rumahku mesra alam sempena Pembersihan Pantai Antara Bangsa.	Taman Robina Telok Air Tawar.
8	26.09.2010	Latihan pemantauan kualiti air sungai.	Taman Kota Permai, Bukit Mertajam.
9	27.09.2010	Ceramah membuat kompos dan sabun.	Sekolah Tamil Perai.
10	29.09.2010	Mesyuarat.	MPSP Bukit Mertajam.
11	29.09.2010	Mesyuarat.	MPSP Bukit Mertajam.
12	03.10.2010	Pemeriksaan dan pameran kesihatan.	Pangsa PPR Ampangan.
13	04.10.2010	Pelancaran sekolah hijau – Bank Kitar Semula.	Sekolah Rendah True Light.
14	04.10.2010	Kempen Keselamatan Jalan Raya.	Petronas Jalan Raja Uda Butterworth
15	22 Okt 2010	Membuat Bebola Tanah	Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya
16	27 Okt 2010	Ceramah Tiada Guna Beg Plastik	Sekolah Menengah Mak Mandin, Butterworth
17	20,21,26,27 dan 28 Okt, 2010	Anugerah Sekolah Hijau	Sekolah-sekolah di Seberang Perai
18	22 Okt 2010	Membuat Bebola Tanah	Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya
19	23 Okt, 2010	Pertunjukan Membuat Sabun	Rumah Nur, Telok Ayer Tawar, Butterworth
20	27 Okt 2010	Ceramah Tiada Guna Beg Plastik	SMK Mak Mandin, Butterworth
21	29 Okt 2010	Membuat Bebola Tanah	Davon Technology Sdn Bhd Seberang Jaya
22	30 Okt 2010	Ceramah Penjagaan Alam Sekitar bersama IEM	MPSP, Jalan Betek, Bukit Mertajam
23	30 dan 31 Okt, 2010	Pameran Rumahku Mesra Alam	Horse Ceramic Seberang Jaya
24	31 Okt 2010	Pelancaran Jualan Kitar Semula	Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertajam

Lawatan

1. 6 Oktober 2010

Japan Environmental Sanitation Centre (JICA)

Delegasi dari Jepun akan membuat lawatan di MPSP selepas menghadiri “Regional 3R Forum” di Kuala Lumpur.

2. 6 Oktober 2010

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Bahagian Penyenggaraan Fasiliti dan Perparitan Bandar, Jabatan Kerajaan Tempatan dalam usaha untuk mengeluarkan satu garis panduan Pengenggaraan Aset Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan yang akan disediakan adalah untuk memastikan proses pengenggaraan yang berkesan dan seragam untuk dilaksanakan dalam pengelenggaraan asset PBT. Penyediaan draf tersebut adalah melibatkan beberapa pegawai daripada PBT yang terlibat dalam pengurusan /penyelenggaraan asset PBT.

Jabatan ini akan membuat satu lawatan untuk melihat system pengurusan dan prosedur penyelenggaraan aset di Majlis Perbandaran Seberang Perai mengikut kategori asset iaitu bangunan, infrastruktur dan M\$E.

3. 15 Oktober 2010

Universiti Utara Malaysia

Pelajar dari kelas GMGA 2053, Kerajaan Tempatan, Universiti Utara Malaysia (UUM) ingin mengadakan satu lawatan sambil belajar ke MPSP. Lawatan tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang kuasa MPSP. Selain dari itu, pelajar dapat menambahkan pengetahuan dan maklumat berkaitan peranan dan fungsi MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Pulau Pinang. Rombongan akan disertai seramai 22 orang pelajar.

4. 18 hingga 19 Oktober 2010

Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu

Rombongan akan dianggotai oleh Pegawai Kanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negeri Terengganu bersama-sama Pegawai Teknikal masing-masing bagi mendapatkan taklimat dari MPSP berhubung:

- a. Sistem Hasil
- b. Sistem Perakaunan
- c. Sistem Penilaian Harta
- d. Pelaporan ke SUK
- e. Maklumat teknikal system yang digunapakai
- f. Lawatan ke Bahagian Kewangan, Kaunter Hasil dan IT

5. 24 November 2010

Majlis Perbandaran Kelang

Rombongan terdiri daripada 37 orang Ahli Majlis dan beberapa Pegawai Majlis yang diketuai oleh Tuan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang. Tujuan lawatan tersebut adalah:

- a) Menimba ilmu pengetahuan dan berkongsi pandangan serta pengalaman berkaitan dengan pengurusan dan urustadbir yang dijalankan di dalam organisasi MPSP
- b) Melihat penggunaan aplikasi ICT yang telah terbukti menjadi salah satu alat bantu utama yang meningkatkan sistem penyampaian dengan standard kualiti yang tinggi serta mesra pelanggan seperti Laman Pentadbiran Online, Sistem Aduan dan Sistem Kewangan Bersepadu
- c) Mendapatkan panduan daripada MPSP berkaitan pensijilan ISO 9001 : 2008 untuk dijadikan contoh kepada pihak MPK untuk mendapat pensijilan kelak.

Kursus

SENARAI KURSUS DARI BULAN OGOS HINGGA OKTOBER TAHUN 2010

BIL	KURSUS	TEMPAT	TEMPOH	JUMLAH PESERTA
1.	Kursus Pembantu Tadbir Cemerlang Siri 2	Dewan Datuk Hj Ahmad Badawi	20-21 SEPT 2010	38
2.	Kursus Perkhidmatan Kaunter Profesional	MPC, Kepala Batas	22-23 SEPT 2010	3
3.	Customer Care Workshop	Bilik A,B,C Dewan Sri Pinang	22-23 SEPT 2010	2
4.	Seminar Pengenalan Kepada Produk Kalis Air "Polyurea"	Hotel Flamingo, Tanjung Bungah	23 SEPT 2010	3
5.	Kursus "Home And Building Inspection"	JWW Mariot, Kuala Lumpur	27-29 SEPT 2010	1
6.	Kursus ERT Perhubungan Keselamatan, Kebakaran Dan Bencana Bangunan	Bilik Mesyuarat Mawar, MPSP	28 SEPT 2010	15
7.	Kursus Pemanduan Cemerlang Siri II	Dewan Datuk Hj Ahmad Badawi	28-29 SEPT 2010	24
8.	Taklimat Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Whistleblower Protection Act 2010)	Dewan Serbaguna Aras 2, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang	30 SEPT 2010	2
9.	Taklimat Kajian Pelan Induk Kampung Tradisional Dan Petempatan Tersusun Di Dalam Kawasan PBT Kepada Agensi-Agensi Kerajaan	Dewan 2 Concourse, Putrajaya International Convention Centre	30 SEPT 2010	1
10.	Kursus Aplikasi Microsoft Project Dalam Pengurusan Pembinaan Modul 2	Hotel Sunway, Seberang Jaya	4-5 OKT 2010	1
11.	Kursus Industri Landskap 2010 Anjuran Jabatan Landskap Negara	Hotel Awana, Porto Malai Langkawi	5-7 OKT 2010	4
12.	Kursus Report Writing Workshop	Dewan Sri Pinang	11-12 OKT 2010	1

Perhimpunan

Perhimpunan Korporat MPSP diadakan pada 13 Oktober 2010 bertempat di Perkarangan Lobi MPSP. Perhimpunan ini melibatkan semua warga MPSP dan Ahli Majlis MPSP. Di dalam majlis tersebut Pengacara Majlis menjemput YDP untuk memberikan ucap tama perhimpunan. Diakhir Majlis, YDP menyampaikan Anugerah yang diperolehi :-

1. Johan Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Bagi Kategori Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik
2. Naib Johan Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Bagi Kategori Anugerah Perkhidmatan Kaunter Berkualiti
3. Naib Johan Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri Pulau Pinang Bagi Kategori Anugerah Laman Web Terbaik



**CADANGAN PENYEWAAN BAGI PENGURUSAN DAN
PENYELENGGARAAN DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI DAN
DATARAN MERDEKA**

Majlis berhasrat untuk menyewakan dewan dan padang tersebut kepada mana-mana pertubuhan, agensi perniagaan atau apa-apa badan untuk mengurus dan menyelenggara Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi dan Dataran Merdeka bagi mendatangkan hasil melalui aktiviti-aktiviti komersial berorientasikan ekonomi, disamping boleh meningkatkan ekonomi penduduk sekitar amnya. Sebarang cadangan boleh dikemukakan ke Jabatan Kemasyarakatan, MPSP atau pertanyaan, hubungi ditalian 04-5497489.



Pelaporan dan Analisis Aduan

Laporan Statistik Pelaksanaan Tahun 2010

BULAN	MEMBERI MAKLUMBALAS ADUAN KEPADA PENGADU DALAM TEMPOH 10 Hari					
	Baki Kes B/P	Jumlah Kes Terima	Siap		Belum Siap	
			=< 10 Hari	> 10 Hari	=< 10 Hari	> 10 Hari
Januari	377	477	287	0	332	0
Februari	332	424	264	0	284	0
Mac	284	446	270	0	320	0
April	320	508	246	0	357	0
Mei	357	436	242	0	307	0
Jun	307	517	309	0	322	0
Julai	322	479	266	0	328	0
Ogos	328	519	375	0	346	0

BULAN	MEMBERI MAKLUMBALAS ADUAN KEPADA PENGADU DALAM TEMPOH 5 Hari					
	Baki Kes B/P	Jumlah Kes Terima	Siap		Belum Siap	
			=< 5 Hari	> 5 Hari	=< 5 Hari	> 5 Hari
September	223	229	92	0	223	0
Oktober	234	303	127	0	262	0
November	162	163	85	0	203	0
Disember	26	47	21	0	59	0

Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu di Dewan Serbaguna Jawi, SPS pada 11 Nov 2010

Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu telah diadakan oleh Biro Pengaduan Awam pada 11 November 2010 bertempat di Dewan Serbaguna Jawi, SPS. Sebanyak 10 agensi kerajaan telah menyertai program ini. Masyarakat setempat telah mengambil kesempatan untuk mengunjungi kaunter-kaunter aduan dan menyuarakan ketidakpuasan perkhidmatan yang diberikan serta menyalurkan maklumat untuk penambahbaikan oleh setiap agensi.



PENGANJURAN KEJOHANAN BOLING PADANG TRIPLES PIALA YDP EDISI KE-LAPAN 2010

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menganjurkan Kejohanan Boling Padang Triples Piala YDP Edisi Ke-Lapan 2010 pada 24-25 Disember 2010 bertempat di Kompleks Sukan Bertam, kepala Batas. Sebanyak 11 kumpulan telah menyertai kejohanan. Penyertaan adalah dari negeri Kedah, Perak, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Kejohanan ini telah dimenangi oleh kumpulan dari negeri Kedah. Manakala tempat kedua dari negeri Pulau Pinang dan ketiga juga dari negeri Kedah. Kejohanan ini telah berlangsung selama 24 jam dan berakhir pada jam 12.00 tengahari pada 25 Disember 2010. Para peserta dilihat bersungguh-sungguh memberikan saingan kepada pasukan lawan dalam kejohanan ini.



Penyampaian hadiah kepada pemenang oleh Pn. Nor Azimah Bt Ismail dari Jabatan Kemasyarakatan